

04/07/1997

Usah biar Aids hapus generasi muda

KUALA LUMPUR, Khamis - Negara mungkin kehilangan generasi muda yang bakal memimpin negara jika langkah pencegahan Aids secara berkesan tidak dilaksanakan, mulai sekarang, kata Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Menurutnya, nasib Malaysia mungkin seperti sesetengah negara di Afrika yang hanya didiami kanak-kanak dan golongan tua kerana generasi muda sudah menjadi mangsa Aids.

Sehubungan itu, katanya, semua pihak seharusnya berganding bahu mengambil langkah pencegahan yang serius bagi membendung gejala itu.

"Kebimbangan kita berasas kerana fakta di seluruh dunia membuktikan golongan yang sering menjadi mangsa Aids ialah mereka dalam lingkungan umur 18 hingga 39 tahun," katanya selepas melancarkan Minggu Kesedaran Aids 1997/98 anjuran Kolej Zaaba Universiti Malaya (UM), di sini, hari ini.

Pada majlis yang sama, beliau yang juga Pengerusi Yayasan Aids Malaysia menyampaikan replika cek bernilai RM10,000 kepada Timbalan Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Zainal Kling bagi pihak Kolej Zaaba.

Kementerian Kesihatan melaporkan sejak 1985 sehingga Mac lalu, 21,026 rakyat negara ini dikenal pasti pembawa HIV manakala 945 kes dijangkiti Aids.

Daripada jumlah pesakit Aids yang dilaporkan, 800 kes meninggal dunia iaitu 89.8 peratus daripada keseluruhan kes Aids.

Dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, kementerian mengenal pasti 942 pembawa HIV.

Bagaimanapun, jumlah itu berkurangan berbanding 1,053 kes yang dilaporkan dalam tempoh yang sama, tahun lalu.

(END)